

Al-Marhum Yang Di-Pertuan Agong

Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman ibni al-Marhum Tuanku Muhammad

Negara Persekutuan Tanah Melayu telah kehilangan raja yang dikasihi, yang menjadi lambang perpaduan rakyat seluruhnya.

Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, al-Marhum Tuanku Abdul Rahman ibni al-Marhum Tuanku Muhammad telah mangkat dalam masa beradu di Istana Negara, Kuala Lumpur, pada saat dan hari yang sangat-sangat berbahagia – Subuh hari Jumaat, 5 Syawal 1379 (1 April 1960), dalam usia 64 tahun.

Jenazah al-Marhum baginda telah selamat dimakamkan di Permakaman Diraja, di Seri Meranti, Negeri Sembilan dengan sepenuh-penuh kehormatan dan rasa sedih pilu dari rakyat baginda yang terdiri dari semua bangsa dan keturunan.

Seluruh negara Persekutuan Tanah Melayu dan rakyatnya telah berkabung selama 44 hari atas kemangkatan Raja yang bijaksana, adil, penyantun dan berbudi lagi setiawan.

Sifat baginda yang terpuji ini, tetap hidup dalam kenangan zaman berzaman.



Tuanku Abdul Rahman ibni al-Marhum Tuanku

Muhammad ialah raja yang kedelapan keturunan Raja Melewar, Seorang putera raja dari negeri Minangkabau. Raja Melewar telah dipersilakan datang ke Tanah Melayu pada tahun 1773, lalu dirajakan di negeri yang kemudiannya terkenal dengan nama Negeri Sembilan.

Al-marhum Tuanku Abdul Rahman telah diputerakan pada 24 Ogos 1895. Dan telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 3 Ogos 1933 menggantikan ayahanda baginda yang telah mangkat. Negeri Sembilan ialah sebuah negeri yang tunggal di Tanah Melayu berpegang kepada adat Perpatih (termasuk daerah Nanning, Melaka).

Baginda mendapat pelajaran di Sekolah Melayu Kuala Jempol (1907) dan kemudiannya di *Malay College Kuala Kangsar* hingga tamat (1914).

Baginda menjawat berbagai-bagai jawatan dalam pertadbiran negeri. Jawatan yang mula-mula dipegang oleh baginda ialah menjadi Pegawai Melayu di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu di Kuala Lumpur.


Pada tahun 1915 menjadi Pemungut Hasil Tanah di Seremban, kemudian di Klang dan di Ulu Selangor menjadi Pegawai Jajahan. Pada tahun 1918 menjadi *Commanding Officer* bagi pasukan *voluntary* Negeri Sembilan. Dari tahun 1921 hingga 1925, berkhidmat di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.



Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman ibni al-Marhum Tuanku Muhammad, Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu Yang Pertama, raja yang bijaksana, adil, penyantun, berbudi lagi setiawan.

Belajar Undang-undang di London

Pada tahun 1925 baginda berangkat ke England bersama-sama dengan ayahanda baginda kerana menyaksikan pertunjukan British Empire di Wembley. Baginda pun belajar ilmu undang-undang di London. Salah seorang rakan baginda di London ialah Tengku Abdul Rahman Putra. Tatkala Persekutuan Melayu ditubuhkan di negeri Inggeris maka baginda telah terpilih menjadi Yang di-Pertua dan Tengku Abdul Rahman Putra menjadi setiausaha.



Jenazah al-Marhum Seri Paduka Baginda

*Yang Di-Pertuan Agong sedang diusung oleh pasukan
Tentera Laut Diraja Persekutuan dari Istana Negara
ke Perhentian Kereta Api Kuala Lumpur pada 3 April
yang lalu. Jenazah al-Marhum telah dikebumikan di Permakaman
Diraja Seri Menanti – Negeri Sembilan – dengan
sepenuh-penuh kehormatan.*

Setelah kembali ke tanah air pada tahun 1928,
baginda telah berkahwin dengan sepupu baginda: Tengku
Kurshiah puteri sulung Tengku Besar Burhanuddin. Dengan
mendapat dua orang puteri: Tengku Bahiyah (sekarang
Permaisuri Kedah), dan Tengku Shahriah (sekarang

isteri putera yang kedua Sultan Johor). Sebelum itu,
(1919) baginda telah berkahwin dengan Tengku Maharom dengan
mendapat seorang putera – Tengku Munawar (Munawir) yang
sekarang menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan,
dan daripada isterinya Che' Maimunah, baginda mendapat dua
orang putera: Tengku Jaafar (sekarang Kaunselor Pejabat
Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di London)
dan Tengku Abdullah (sekarang Setiausaha Kerajaan
Negeri Pahang).

Setelah itu baginda berkhidmat di Tapah, dan kemudiannya
(1930) menjadi Pendaftar Mahkamah Tinggi di Ipoh dan
sesudah itu pada tahun 1932 ditukar ke Kuala
Lumpur.

Pada 3 Ogos 1933, Tuanku Abdul Rahman
terpilih menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Baginda telah melawat England sesudah itu selama
4 kali: 1934, 1937, 1951 dan 1954.

Pada 2 September 1957 baginda telah ditabalkan dalam
suatu istiadat yang meriah menjadi Yang di-Pertuan Agong
bagi negara Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

*

Baginda terkenal lemah-lembut dan berakhlak mulia. Dua
orang sahabat karib baginda telah menggambarkan sifat-sifat
baginda yang terpuji itu dengan sejelas-jelasnya. Pertama ialah
Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj (lihat catitannya di muka
24 – muka tengah). Dan yang kedua Dato' Sheikh Ahmad Bin
Sheikh Mustafa Al-Haj, anak Negeri Sembilan yang terkenal.

Dato' Sheikh Ahmad berkata:

“Al-Marhum dan saya sama-sama sedarjah dalam tahun 1907 di *Malay College Kuala Kangsar*. Dari masa bersekolah lagi baginda seorang yang peramah dan tidak membangga-banggakan diri.


“Baginda sangat dihormati oleh rakyat jelata

di sini kerana sifatnya tidak tahu membesar-besarkan diri

dan lemah-lembut. Baginda adalah seorang yang mempunyai kebolehan memimpin dan berdamping rapat dengan rakyat”.

Mudah-mudahan Allah cucuri rahmat dan dihimpunkan

roh baginda di dalam himpunan *ahl al-Jannah* dan dikurniakan sabar kepada Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong dan sekalian putera-puteri serta kerabat diraja.



Jenazah Seri Paduka Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad, Yang di-Pertuan Agong sedang diusung setelah tiba di perhentian kereta api Seremban dalam perjalanan ke Seri Menanti untuk dimakamkan di Permakaman Diraja.

Duduk berpakaian putih ialah Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong (Tengku Kurshiah), dan yang berpakaian hitam ialah putera-puteri dan kerabat diraja.